

MAHATHIR R'R'R'

OLEH A. KARIM SHUKOR

1983

SUNGAI PETANI, 3 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN MENTERI-MENTERI KABINET DAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN SUPAYA MEMISAHKAN DIRI SAMA SEKALI DARI SEMUA KEGIATAN PERNIAGAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA MASIH ADA DI KALANGAN MEREKA ITU YANG MENCAMPURADUKKAN TUGAS SEBAGAI ANGGOTA KERAJAAN DENGAN DUNIA PERNIAGAAN.

'SAYA AKAN MEMBERHENTIKAN MEREKA YANG MASIH TIDAK MENGENDAHKAN ARAHAN MENGENAI PERKARA ITU YANG DIKELUARKAN TIDAK LAMA DULU', KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO SUNGAI PETANI DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK, JIKA PERLU, MENDEDAHKAN MEREKA DI KHAYALAN RAMAI.

SEBAGAI ANGGOTA KERAJAAN, KATA BELIAU, MEREKA SUDAH MENIKMATI GAJI DAN SEGALA KEMUDAHAN SEBAGAI IMBUNGAN DAN DENGAN ITU 'APA LAGI MEREKA MAHU'. -- LAGI 1335/MB
NNNN

ZCZC 0534

MAHATHIR - 2 SUNGAI PETANI R'R'R'

MEREKA PERLU MEMBUAT PILIHAN SAMA ADA HENDAK BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN ATAU BERNIAGA, KATA BELIAU.

'KITA TIDAK MAHU MEREKA ITU MAHU SEMUA - KUASA DAN KEKAYAAN. KITA JUGA TIDAK MAHU SEORANG PERDANA MENTERI ATAU TIMBALANNYA YANG MENJADI 'MILLIONAIRE', KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGINGATKAN BAHAWA UMNO TIDAK ADA TEMPAT BAGI MEREKA YANG TAMAK.

OLEH ITU ADALAH PENTING BAGI PARA PEMIMPIN DALAM KERAJAAN MEMISAHKAN DIRI DARI SEMUA KEGIATAN PERNIAGAAN KERANA MEREKA MEMPUNYAI KUASA-KUASA TERTENTU.

ANDAINYA MEREKA MENCEBURI DIRI DALAM PERNIAGAAN, ADA KEMUNGKINAN MEREKA AKAN MENYALAHGUNAKAN KUASA BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN PARA PEMIMPIN DAN ANGGOTA UMNO SUPAYA MENJADI TELADAN KEPADA ORANG RAMAI SEJAJAR DENGAN HASRAT KERAJAAN MELANCARKAN KEMPERAN 'KEPIMPINAN MELALUI TELADAN.' -- LAGI 1345/MB

NNNN

MAHATHIR 3 SUNGAI PETANI R'R'R'

JIKA INI DILAKUKAN, MUSUH UMNO PUN AKAN TERTARIK MENYEBELAH
UMNO DAN KEADAAN INI SUDAH PUN BOLEH DILIHAT HARI INI, KATANYA.
PERJUANGAN UMNO, TAMBAHNYA, BELUM SELESAI KERANA MASIH BANYAK
YANG PERLU DILAKUKAN UNTUK FAEDAH RAKYAT.

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, PERDANA MENTERI BERKATA BECARA
LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG. HASILNYA KINI JEDANG DINIKMATI.
BELIAU BERKATA RAKYAT HARUS SEDAR BAHAWA SEMUA TIDAK BOLEH JADI
KAYA, KERANA KALAU ITU BERLAKU, "SEMUA AKAN MENJADI MISKIN."

HAKIKAT HIDUP BAHAWA PERBEZAAN MEMANG WUJUD, WALAUPUN DALAM
MASYARAKAT SOSIALIS, HENDAKLAH DITERIMA KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP ORANG MELAYU JANGAN TERLALU
BERGANTUNG KEPADA SUBSIDI KERAJAAN, SEBALIKNYA BERUSAHA SENDIRI DALAM
MENGEJAR KEMAJUAN DAN KEKAYAAN.

MENGENAI BAHAGIAN UMNO SUNGAI PETANI, BELIAU GEMBIRA KERANA
KEADAAN YANG TIDAK MEMUASKAN SATU MASA DULU SUDAH BERLALU DAN BER-
HARAP SEMUA PIHAK AKAN MELUPAKAN PERISTIWA LAMPAU. -- BERNAMA --